

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 6 RABU 5 FEBRUARI, 1969 1388 رابو 17 ذوالقعدة PERCHUMA

M.B.B. di-seru adakan badan untuk populerkan tarian2 asli Brunei

BANDAR BRUNEI. — Pesuruhjaya Kebajikan, Awang Salleh bin Haji Masri telah menyeru Majlis Belia2 Negeri Brunei melalui Seksi Kesenian dan Kebudayaan-nya supaya membentok sa-buah badan kebudayaan yang khusus untuk mengembang dan mempopulerkan tarian2 asli Brunei.

Seruan itu telah di-buat beliau ketika berucap di-majlis pementasan anjoran Seksi Kesenian dan Kebudayaan Majlis itu yang berlangsung di-Dewan Raya Jabatan2 Penyiran dan Penerangan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pementasan itu telah di-adakan pada malam 31 Januari lepas kerana tujuan untuk menambahkan tabung majlis tersebut.

Awang Salleh yakin bahawa dengan tertuboh-nya badan itu nanti ia-nya akan dapat memperkembangkan tarian2 dan nyanyian2 asli Brunei sa-bagai satu chara yang penting bagi memperkenalkan kebudayaan yang kita warithi sejak turun-temurun.

Beliau berkata bahawa negara kita di-kenal sa-bagai sa-buah Negeri Melayu yang banyak mempunyai kesenian dan kebudayaan-nya yang tersendiri yang di-antara-nya maseh terpendam dan belum ada di-perkenalkan kepada masharakat umum.

Awang Salleh berharap supaya Seksi Kesenian dan Kebudayaan MBB itu akan dapat meluaskan tugas-nya untuk bergerak terus-menerus bagi membongkar dan menggali kesenian dan kebudayaan kita yang maseh terpendam itu.

Di-samping itu beliau juga berharap supaya seksi itu akan dapat membentok satu tarian dari kebudayaan kita yang di-maksudkan beliau boleh menuju ka-arrah chita2 "mengadakan satu tarian kebangsaan Brunei".

Sebab itu, tegas beliau, adalah perlu di-adakan sa-buah badan khas untuk menjalankan latehan2 dari satu masa

ka-satu masa yang akan memerelok tarian2 asli itu nanti.

Awang Salleh juga berpendapat bahawa dengan ada-nya badan itu juga, maka hubongan2 akan lebeh senang jika tarian2 asli Brunei itu di-kehendaki untuk persembahan2 terutama di-majlis2 yang di-anjurkan oleh negara.

"Untuk tujuan ini apabila ada keramaian di-Raja dan pelawat2 negara serta pelan-chong2 yang datang ka-Brunei, maka kebudayaan2 kita itu akan dapat di-pertunjukkan dengan lebeh sempurna dengan melukiskan kehidupan orang2 Brunei dan melambangkan ke-bahagian negara".

Awang Salleh telah menyebut kejadian2 yang berlaku pada masa2 yang sudah apabila hendak mengadakan pertunjukan2 kebudayaan yang di-sifatkan beliau boleh merosakkan nilai kebudayaan yang di-pertunjukkan itu.

"Apabila hendak di-adakan keramaian baru-lah mula ber-lateh dan dalam masa yang singkat pula. Jadi sudah tentu-lah mutu dari latehan2 tadi kurang sempurna dan tidak menghidupkan watak yang sa-benar-nya saperti yang di-kehendaki dalam tarian2 itu", jelas beliau.

(Lihat Muka 8)



Awang Salleh bin Haji Masri

CHATUAN AYER DI-BANDAR BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Kerja Raya telah mengadakan chatuan ayer dalam kawasan Bandar Brunei mulai hari Ahad lepas.

Langkah ini di-ambil ia-lah memandang kepada bekalan ayer di-kolam ayer tasek sekarang ini berkurangan.

Di-Bandar Brunei bekalan ayer akan di-potong dari pukul 9.00 malam hingga 6.00 pagi pada tiap2 malam.

Bekalan ayer ka-Kampung Ayer akan di-potong pada waktu siang ia-itu dari 8.00 pagi hingga 4.00 petang.

Sementara bekalan ayer ka-Jalan Muara dan Jalan Berakas di-utara pusat pemancar radio akan di-potong dari pukul 7.00 pagi hingga 5.00 petang pada tiap2 hari.

Jalan Kumbang Pasang dan Jalan Sekolah/Tasek Lama telah di-jadikan jalan satu hala buat sementara waktu kerana pelaksanaan kerja2 menanam saloran2 najis di-Bandar Brunei. Gambar bawah menunjokkan kesebokan2 yang berlaku di-Jalan Kumbang Pasang sejak beberapa hari yang lalu.



DUA USOL DI-LULUSKAN DALAM MAJLIS MASHUARAT DAERAH BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Mohd. Ali bin Awang Besar telah memberikan ucapan terima kasih kepada orang2 yang bertanggung-jawap dan berkerjasama dengan pejabat daerah bagi melaksanakan projek2 pembangunan di-daerah ini.

Awang Mohd. Ali telah berucap demikian ketika membalas ucapan2 penangguhan ahli2 majlis mashuarat daerah Brunei/Muara yang telah bersidang di-Dewan Kemasharakatan Bandar Brunei pada minggu lalu.

Pegawai Daerah itu ber-

kata, ada-lah menjadi kewajipan pejabat-nya bagi melaksanakan segala rancangan yang di-luluskan oleh kerajaan yang mana akan memberikan kemudahan kepada rakyat dan penduduk di-daerah ini.

Awang Mohd. Ali berkata, pada masa ini kerajaan sedang menempoh rancangan2 raksaksa seperti pembenaan pelabohan di-Muara, pembenaan lapangan terbang antara bangsa, rancangan bekalan ayer, saluran najis yang akan menelan belanja berjuta2 ringgit.

Terdahulu dari itu majlis

yang bersidang pada hari itu telah meluluskan dua usol.

Usol yang pertama telah dikemukakan oleh Awang Saidi bin Bugal — wakil kawasan Kilanas — yang meminta supaya kerajaan membena sebuah ampangan ayer di-Sungai Kilanas atau di-Sungai Tampoi yang lengkap dengan jentera penchedok ayer.

Awang Saidi ketika membentangkan usol-nya menyatakan dengan ada-nya ampangan itu nanti akan dapat di-gunakan untuk rancangan2 penanaman padi di-Kilanas dan Mulaut.

"Ini akan memberikan keuntungan kepada penanam2 padi yang diam di-kawasan Kilanas dan bagi menambahkan hasil pendapatan mereka", tambah beliau.

Satu usol lagi telah dikemukakan oleh Awang Arshad bin Marsal — wakil kawasan Berakas — yang meminta kerajaan supaya mengadakan lampu2 letrik bagi jalan besar yang masuk ke-Kampung2 Jaya Bakti, Jaya Setia, Burong Pinggai dan Kampung Estate.

Dalam mashuarat itu juga beberapa soalan mulut telah di-bentangkan oleh ahli2 majlis yang mana telah di-berikan jawapan yang memuaskan dari pihak kerajaan.

Tawaran bagi penyelidikan bagi rancangan bekalan ayer

KUALA BELAIT. — Tawaran telah di-keluarkan bagi penyelidikan tempat rancangan bekalan ayer yang di-chadangkan di-Seria dan Kuala Belait.

Sharikat Binnie dan Pakatan yang telah di-lantek sebagai jurutera perunding sekarang ini sedang mengusahakan chontoh2 lengkap projek tersebut.

Kerja2 yang di-tawarkan itu meliputi mengorek lobang bagi menentukan keadaan di-bawah tanah.

Kerja mengorek lobang itu akan di-jalankan di-kawasan

tempat ayer masuk di-Sungai Belait dekat Kampong Badas, di-tempat2 kerja membersehh, pusat penchedok dan kawasan kolam ayer.

Ayer akan di-ambil dari Sungai Belait dan di-pump dari Badas ka-pusat membersehh-nya yang di-tempatkan di-Seria.

Ayer yang telah di-buboh ubat itu kemudian-nya akan di-salorkan ka-tangki2 di-Kuala Belait, Seria dan ka-sebuah kolam ayer di-Sungai Liang.

Sekolah Persediaan Inggeris siap bulan April ini

KUALA BELAIT. — Pembinaan kompleks bangunan gabungan sekolah persediaan dan menengah rendah perantaraan Inggeris di-Kuala Belait sekarang ini sedang berjalan dengan lancar.

Rumah2 tempat tinggal bagi guru2 dan kaki-tangan sekolah itu telah pun siap sementara bilek2 darjah di-jadualkan siap dalam bulan April tahun ini.

Apabila siap nanti, sekolah tersebut akan dapat menampung kira2 1,800 orang murid. Ia-nya mempunyai asrama yang berasingan bagi

penuntut2 lelaki dan perempuan.

Sa-orang juruchapak Jabatan Pelajaran berkata, penuntut2 dari Ulu Belait akan tinggal di-asrama dan semua penuntut yang sedang menuntut di-sekolah persediaan Maktab Anthony Abell di-Kuala Belait akan di-pindahkan ka-sekolah baru itu.

Juruchapak itu berkata, penuntut2 baru persediaan dari sekolah2 rendah Melayu di-kawasan Ulu Belait dan sekolah rendah Melayu dan China di-Kuala Belait juga akan di-masokkan ka-sekolah itu.

DUA BUAH LAGI SEKOLAH MELAYU DI-BUKA

BANDAR BRUNEI. — Dua buah sekolah rendah Melayu sementara telah di-buka dalam bulan Januari ini. Ini membawa kepada jumlah 100 buah sekolah rendah Melayu di-negeri ini.

Sekolah2 tersebut ia-lah di-Mulaut, Daerah Brunei/Mua-

ra dan di-Samabat di-Daerah Temburong.

Sa-orang juruchapak Jabatan Pelajaran berkata, jumlah murid2 dalam darjah2 rendah di-sekolah2 Melayu di-negeri ini dalam tahun lepas ia-lah sa-ramai 16,120 orang dan 3,500 orang di-

Sambutan Hari Raya Haji anjoran I.B.B.

BERAKAS. — Persatuan Ikatan Belia Berakas Brunei akan mengadakan sambutan Hari Raya Aidil Adzha pada 1 Mach, 1969 mulai jam 8.00 malam bertempat di-dewan persatuan itu.

Sa-orang juruchapak persatuan tersebut menyatakan beberapa persembahan yang berupa tarian asli dan moden dan drama akan di-adakan dalam sambutan itu.

Kemunchak dari achara pada malam itu ia-lah peraduan penyanyi2 pop lelaki dan perempuan.

Juruchapak itu menyatakan, peraduan ini hanya terbuka kepada pemuda2 dan pemuda2 yang tinggal di-sekitar kawasan kampung di-Berakas sahaja.

Sa-siapa yang ingin memasuki peraduan itu boleh-lah berhubung dengan Ak. Yahya bin Pg. Hashim, Setia Usaha Sambutan Hari Raya Aidil Adzha, di-Kampung Anggerek Desa, Berakas.

110 orang guru pelateh jalani kursus

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 110 orang guru pelateh dari Sekolah2 Melayu di-negeri ini telah memulakan kursus mengajar sa-lama dua tahun di-Bandar Brunei.

Kursus tersebut di-jalankan di-Maktab Perguruan Brunei bahagian Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin.

Pengelola Latehan Guru2, Awang A.D. Bumford berkata, semua guru2 itu telah menamatkan latehan sa-lama sa-tahun.

Beliau menambah, menjelang tahun 1971, semua guru2 sekolah Melayu di-negeri ini akan mempunyai kelayakkan yang sa-penoh.

Perkhemahan pengakap sa-negeri

BANDAR BRUNEI. — Perkhemahan Pengakap Daerah Brunei Muara tahun ini akan di-adakan di-Jalan Gadong dalam masa chuti sekolah penggal pertama.

Ketetapan itu telah di-luluskan di-mashuarat bulanan jawatankuasa Persatuan Pengakap Daerah Brunei yang berlangsung di-ibu pejabat Pengakap Negeri Brunei di-Bandar Brunei.

Pengurus persatuan itu, Awang Ahmad Wally Skinner yang menguruskan sidang itu berkata, Majlis Pengakap Negeri Brunei telah bersetuju untuk mengadakan perkhemahan Pengakap Negeri Brunei tahun ini di-Jalan Gadong.

Mashuarat itu kemudian-nya bersetuju untuk mengadakan satu perkhemahan bersama dengan pasokan2 pengakap dari lain2 daerah di-negeri ini.

sekolah menengah.

Juruchapak itu berkata, dengan kemasokan murid2 baru ka-sekolah rendah dan murid2 baru di-dua buah sekolah rendah sementara yang baru di-buka tahun ini jumlah murid2 dalam sekolah2 rendah Melayu ia-lah kira2 17,000 orang.

KHUTBAH JUMA'AT

Nekmat yang di-berikan Tohan kepada kita amat tinggi nilai-nya jika di-gunakan dengan sempurna

ALANGKAH besar-nya nikmat yang di-berikan oleh Tohan kepada kita, alangkah mahal-nya nikmat sehat walafiat yang di-kurniakan-nya kepada kita dan alangkah tinggi nilai-nya nikmat tenaga dan kekuatan yang di-bekalkan kepada kita. Nikmat Tohan yang di-berikan-nya kepada kita itu terlalu lazat rasa-nya dan amat berfaedah dan berkebakikan kalau kita pandai menggunakan-nya dengan sempurna dan tidak mensia2kan-nya.

Islam, agama yang kita junjong tinggi mengajak supaya kita memerhatikan dengan sungguh2 kepada nikmat2 yang di-kurniakan Tohan kepada kita itu dan mengajak kita supaya dapat menekmatinya dengan sempurna agar nikmat2 yang begitu banyak dan begitu mahal tidak ternilai akan dapat menginsafkan kita dan supaya kita akan tunduk dan menurut perintah-nya dengan penoh ketaatan dan kerinduan.

Rasullullah s.a.w. telah bersabda yang bermaksud seperti berikut:

Sahabatku Jebril baru saja meninggalkan aku, ia berkata kepada aku bahawa demi Tohan yang mengutus engkau ya Mohammad dengan kebenaran, bahawasanya ada seorang hamba Allah yang kerja-nya hanya beribadat kepada Tohan sa-lama 500 tahun, orang itu tinggal di-atas sa-buah bukit yang dudok-nya di-sebuah pulau dan pulau itu dikelilingi oleh lautan, dengan kurnia Tohan di-ke-luarkan-nya satu mata ayer untuk minuman orang yang beribadat itu dan dengan anugerah Tohan di-bekalkan-nya orang itu tiap2 malam dengan sa-biji buah delima yang mana buah itu terbit daripada sa-pohon pokok delima yang berbuah pada tiap2 malam.

Orang itu beribadat pada siang hari dan pada tiap2 petang orang itu turun dari atas bukit kerana membaharui udzunya dan memetek buah delima untuk di-makan-nya, kemudian ia kembali ka-atas bukit untuk terus melakukan ibadat.

Apabila ajal-nya telah

dekat, maka orang itu pun memohon kepada Tohan supaya biar-lah nyawa-nya di-chabut dalam keadaan ia sedang sujud dan jangan-lah hendak-nya sa-barang apa benda pun mengganggu keadaan sujud-nya itu hingga-lah ia di-bangkitkan oleh Tohan di-hari kiamat dalam keadaan sujud juga.

Maka menurut pengetahuan bahawasanya orang itu akan di-bangkitkan pada hari kiamat dalam keadaan demikian dan pada ketika orang itu berada di-hadapan Tohan maka Tohan pun berfirman yang bermaksud:

"Masokkan-lah hamba ku ini ka-dalam shorga kerana rahmat ku ka-atas-nya."

Orang itu bermohon: *"Wahai Tohan, bahkan dengan amalan ku."*

Maka Tohan pun berfirman kepada malaikat yang bermaksud:

"Bandingkan-lah hamba ku ini ia-itu antara nikmat2ku ka-atas-nya dengan amalan-nya."

Maka di-dapti nikmat penglihatan yang di-kurniakan Tohan ka-atas orang itu saja telah meliputi amal ibadat-nya sa-lama 500 tahun, belum di-kira lagi nikmat2 Tohan yang lain, maka jika kira-nya nikmat2 yang lain lagi tentu-lah jauh lebeh banyak berganda2 daripada amalan orang itu.

Maka Tohan pun berfirman yang bermaksud: Masokkan-lah hambaku in ka-dalam neraka, maka orang itu pun di-sirit-lah ka-dalam neraka. Sa-sudah itu orang itu pun bermohon kepada Tohan Rabul-Jalil "demi Tohan yang maha pengaseh dan penyayang, dengan limpah rahmat dan kurnia mu aku pohonkan supaya aku kau masokkan ka-

dalam shorga". Maka Tohan pun memerintahkan supaya orang itu di-masokkan ka-dalam shorga.

Orang itu berdiri di-depan Tohan, maka Tohan pun berfirman sa-bagai berikut:

"Wahai hamba ku, siapa yang menjadikan engkau?"

Orang itu menjawab: *"Engkau yang menjadikan aku wahai Tohan."*

Kemudian Tohan berfirman: *"Siapa yang memberi kekuatan kepada engkau untuk melakukan ibadat sa-lama 500 tahun?"*

Maka orang itu menjawab: *"Engkau wahai Tohan."*

Kemudian Tohan berfirman lagi: *"Siapa yang mendudukkan engkau tinggal di-atas bukit dan mengurniakan kepada engkau ayer yang tawar daripada ayer yang masin dan memberi kepada engkau pada tiap2 malam buah delima, sedangkan buah itu sa-patut-nya keluar hanya sa-tahun sa-kali dan kepada siapa engkau pohonkan supaya nyawa*

engkau di-chabut sedang kau dalam keadaan sujud?"

Maka orang itu pun menjawab: *"Sa-sungguh-nya engkau wahai Tohan."*

Maka Tohan pun berfirman: *"Semua-nya itu ada-lah rahmat dan kurnia daripada ku, dengan rahmatku-lah aku memasokkan kau ka-dalam shorga."*

Sa-sudah itu orang itu pun di-masokkan ka-dalam shorga.

Maka berkata-lah Jebril kepada ku: *"Sa-sungguh-nya semua perkara ada-lah dengan rahmat Tohan wahai Mohammad."*

Demikian-lah maksud sa-buah hadith yang patut kita renungkan untuk tauladan dan pengajaran kepada kita dan jangan-lah sekali2 kita umat Islam yang chuba mengengkari rahmat Tohan dan nikmat2 yang di-berikan kepada kita. Chara kita untuk bershukor di-atas nikmat2 itu dengan jalan menurut titah perintah-nya dan amal ibadat dengan mengerjakan penoh ketaatan dan kerinduan.



Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 5 Februari, 1969 hingga ka-hari Selasa 11 Februari, 1969 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
5 Feb.		12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36
6 Feb.		12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36
7 Feb.		12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36
8 Feb.		12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36
9 Feb.		12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36
10 Feb.		12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36
11 Feb.		12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

5 Februari, 1969.

TARIAN ASLI

PESUROHJAYA Kebajikan Awang Salleh bin Haji Masri telah menandatangani kepada MBB Negeri Brunei supaya membentuk sebuah badan yang khusus untuk mempopulerkan tarian2 asli Brunei.

Beliau pada umum-nya berpendapat bahawa dengan ada-nya sa-buah badan demikian, maka tarian2 asli Brunei akan dapat di-jaga dan menimbulkan tarian2 yang maseh terpendam di-samping menye-nangkan hubungan2 apabila di-kehendaki persembahan2 yang di-perlukan terutama-nya yang di-kehendaki ketika di-adakan majlis2 rasmi.

Chadangan beliau ini di-maksudkan juga untuk men-chari satu tarian yang sesuai untuk di-jadikan "tarian kebangsaan kita" yang hingga kini kita belum mempunyai satu tarian yang rasmi untuk di-jadikan tarian kebangsaan.

Chadangan ini ada-lah satu chadangan yang sudah kena pada tempat-nya dan lebeh2 lagi bila di-tinjau pada sudut negara kita yang terkenal kaya dengan kebudayaan dan kesenian-nya sa-bagai salah sa-buah negara Melayu yang tua.

Ada-lah satu langkah yang bijak kalau MBB menerima chadangan ini kerana salah satu perjuangan MBB ia-lah mempertinggikan nilai kebudayaan dan kesenian bangsa kita.

Soal kesedaran di-kalangan pemimpin2 MBB ada-lah tidak di-ragukan lagi terutama bila kita mengingat kembali tentang kepayahan2 yang terpaksa di-hadapi ketika hendak mengadakan pertunjukan2 kebudayaan atau menghantar perwakilan2 keluar negeri.

Oleh kerana tidak ada badan yang bergerak aktif yang khusus untuk memperkembangkan tarian2 asli itu, maka kita terpaksa terchari2 orang2 yang akan mengambil baha-gian dan mengadakan latihan2 yang singkat yang kita percaya tidak menjamin nilai tarian2 itu. Tetapi jika ada sa-buah badan yang khusus, maka nilai tarian2 itu dapat di-pertanggungjawabkan dan kita tidak payah menchari2 lagi kerana sudah ada badan yang mengelolakan-nya.

Menitek kepada perkembangan negara kita sekarang ini, maka ada-lah wajar chadangan itu di-penohkan. Walau pun sa-benar-nya kita patut mengadakan sejak beberapa tahun yang lalu, namun masa-nya maseh belum terlambat lagi.

Apa yang menjadi harapan kita supaya badan itu nanti hendak-lah bergerak cergas dengan semangat yang kental dan semoga tidak mengalami jalan buntu seperti nasib yang menimpa ka-atas Badan Seni Budaya yang hidup mati-nya tidak kita ketahui hingga se-karang ini.

Kita percaya bahawa di-sebabkan ketiadaan badan yang tertentu-lah, maka keadaan tarian2 asli kita amat menyedihkan dan kadang2 unsur2 keaslian tidak meyakinkan.

Maka itu, satu badan yang khusus untuk mempopulerkan tarian2 asli kita harus di-tubuhkan.



Di-antara jemaah2 haji Brunei termasuk-lah Pengeru Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota yang kelihatan dalam gambar atas sedang melambai2kan tangan mengucapkan selamat tinggal



Dalam gambar ini kelihatan Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota dan Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Anakda Pengiran Ahmad sa-belum berangkat meninggalkan lapangan terbang.

Hampir 400 tunaikan seruan suchi dan paling ramai yang menggunakan kapal terbang

HAMPIR 400 orang jemaah haji dari Brunei telah berlepas ka-tanah suchi Mekah untuk menyempurnakan rukun Islam yang ke-lima itu.

Bilangan ini ada-lah bilangan yang terbesar sekali yang telah menyempurnakan ibadah haji dan hampir sa-paroh daripada-nya ia-lah perempuan dan kanak2.

Jemaah2 haji itu berlepas dengan dua chara pelayaraan ia-itu kapal laut dan kapal terbang. Yang menggunakan kapal laut telah berlepas pada 27 Disember, 1968, sementara jemaah2 haji yang menggunakan kapal terbang berlepas dengan dua buah kapal terbang menuju Jeddah dari Labuan.

Dari Lapangan Terbang Berakas menuju ka-Labuan rombongan pertama pada 27 Januari, 1969 berlepas dengan lima penerbangan dan lima penerbangan juga ka-atas rombongan yang ke-dua yang bertolak pada 30 Januari, 1969.

Sa-ramai 239 orang menggunakan

kan kapal terbang dan yang menggunakan kapal laut ia-lah sa-ramai 152 orang.

Pada penerbangan yang ke-dua ia-itu 30 Januari, 1969 sa-orang nenek di-antara bakal2 haji itu telah tidak dapat meneruskan hasrat-nya yang suchi itu kerana dengan tiba2 nenek itu mendapat keuzuran.

Nenek itu ia-lah Dayang Lia binte Pehin Maharaja Di-Raja Md. Salleh berumur 79 tahun dari Kampong Sungai Kedayaan. Dayang Lia ia-lah di-antara jemaah2 haji yang berlepas pada penerbangan tengah hari menuju Labuan. Tetapi kerana keuzuran itu beliau telah di-hantar balek ka-Brunei dan pada masa ini berada di-rumah beliau. Dayang Lia di-katakan mengidap sakit lemah.

Sementara itu menurut berita akhir bahawa jemaah2 haji Brunei semua-nya telah selamat sampai di-Jeddah.

(Gambar2 di-halaman ini ada-lah ehsan dari Jabatan Hal-Ehwal Ugama).



Sanak saudara jemaah, haji sedang memerhatikan ketika Jemaah haji menuju ka-kapal terbang yang akan membawa mereka ka-Labuan.



Diritan sanak saudara dan sahabat handai jemaah2 haji itu yang menghantar mereka di-lapangan terbang, Berakas.



Perpisahan selalu-nya menimbulkan kesedihan walau pun tidak bagitu lama. Demikian-lah hal-nya dengan gambar di-atas ketika sa-orang ibu yang hendak menunaikan haji menerima pelokan perpisahan dari anak-nya.



Ini-lah di-antara jemaah2 haji perempuan yang menaiki kapal terbang.



Jemaah2 haji Brunei kelihatan sedang menaiki kapal terbang Britannia yang membawa mereka ka-Jeddah dari Labuan.



Gambar atas dan bawah, kelihatan Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota sebak melayani sanak saudara dan sahabat handai beliau yang mengucapkan selamat belayar.





KEDAI DAN BALAI PULIS UNTOK KAMPONG PERPINDAHAN

BANDAR BRUNEI. — Kerja2 membena longkang2 konkret di-kawasan Kampong Perpindahan Berakas sekarang ini berjalan dengan lancar.

*Sukan tahunan
Sekolah2 Melayu
bulan April*

BANDAR BRUNEI. — Sokan tahunan bagi Sekolah2 Rendah Melayu Brunei, akan di-langsungkan dalam bulan April akan datang, sementara perlumbaan rentas desa akan di-adakan dalam bulan ini.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata, sa-bagai tambahan kepada achara dalam sokan, sa-banyak tujoh lagi pertandingan akan di-masokkan dalam sokan bagi murid2 lelaki dan lima bagi murid2 perempuan. Ini termasuklah bola sepak; hoki; bola tampar; sepak raga; bola pimpong; badminton dan bola jaring.

Pada masa ini murid2 sekolah itu telah pun memulakan latehan kerana sokan tahunan dan rentas desa, sa-belum achara perlumbaan itu di-adakan dalam perengkat daerah dan negeri.

Sementara itu sokan tahunan Sekolah2 Menengah akan di-langsungkan dalam bulan Mei dalam mana mereka akan bertanding kerana merebut piala2 kejohanan bola sepak; hoki; sepak raga dan bola tampar bahagian murid lelaki dan murid perempuan dalam perlawanan hoki dan bola jaring.

Sokan kerana merebut kejohanan bagi sekolah2 rendah dan menengah Melayu itu akan berlangsung di-Bandar Brunei.

Kerja2 membena longkang2 tersebut telah di-mulakan pada tahun lalu dan ia-nya di-jadualkan siap dalam masa beberapa bulan lagi.

Sementara itu, Pegawai Perpindahan, Dato Seri Laila Jasa Awang G.D. Beckett menyatakan bahawa pembenaan satu deret kedai yang mengandungi 10 buah pintu akan siap dalam tahun ini.

Pembenan kedai itu telah di-mulakan dalam bulan September tahun lepas dan ia-nya menelan belanja kira2 \$280,000.

Bangunan kedai itu berbentuk dua tingkat. Bahagian bawah-nya akan di-gunakan sa-bagai kedai dan tingkat kedua akan di-jadikan tempat2 tinggal.

Dato Beckett berkata, kerja membena sa-buah balai pulis di-kawasan Kampong Perpindahan dan dua buah berek sekarang ini sedang berjalan dengan baik.

Dato Beckett menambah, balai pulis itu di-jadualkan siap pada penghujung tahun ini.

Gerakan membunuh anjing2 yang tidak berlesen

BANDAR BRUNEI. — Pengerusi Bandaran Brunei, Awang Mohd. Ali bin Awang Besar mengumumkan kepada orang ramai bahawa mulai dari 1 Mach hadapan jabatan bandaran akan mengambil langkah bagi membunuh anjing2 yang tidak mempunyai lesen yang di-dapati berkeliaran di-kawasan bandaran, Brunei.

Awang Ali menase-

KILANAS. — Sa-ramai 14 orang ahli Persatuan Peladang Kampong Lakiom, Daerah Temburong termasuk dua orang perempuan telah mengadakan lawatan ka-Pusat Pertanian Kilanas pada minggu lalu.

Lawatan tersebut ia-lah bagi menamatkan kursus pertanian yang di-anjarkan oleh Jabatan Pertanian di-Kampong mereka.

Ketika berada di-pusat itu, peladang2 Kampong Lakiom itu telah di-tunjukkan chara2 pertanian yang moden dan juga chara2 menchegeh penyakit tanam2an.

Mereka juga telah di-bawa melawat ka-pusat ternakan di-Jerudong dan pusat pertanian Sharikat Minyak Shell di-Senaut.

Gambar atas menunjukkan peladang2 tersebut sedang di-tunjukkan chara2 menchegeh penyakit tanam2an ketika mereka melawat pusat pertanian Kilanas.

Setem2 khas Tahun Hak Asasi Manusia maseh di-jual

BANDAR BRUNEI. — Kira2 129,000 keping setem keluaran khas yang berharga 25 sen dan 12 sen maseh lagi di-jual di-semua pejabat2 pos di-negeri ini.

Setem2 keluaran khas bagi memperingati Tahun Hak Asasi Manusia Antara Bangsa — 1968 itu mula di-jual di-semua pejabat2 pos pada 16 Disember tahun lalu.

Pemangku Ketua Pos Agong, Awang Mohd Ja'afar bin Haji Mohd. Daud berkata, sa-takat ini sa-banyak 136,000 keping telah di-jual.

Dari jumlah tersebut, sa-banyak 15,000 keping ia-lah yang berharga 75 sen yang telah habis dalam simpanan.

Awang Ja'afar berkata sa-banyak 25,500 keping setem yang berharga 25 sen dan 103,500 keping yang berharga 12 sen akan terus di-jual di-semua pejabat2 pos sa-lama tiga bulan atau sa-hingga habis dalam simpanan.

KURSUS PERTANIAN

BANDAR BRUNEI. — Ahli2 persatuan peladang Kampong Buau di-Ulu Belait akan menjalani kursus pertanian sa-lama sa-minggu anjoran Jabatan Pertanian.

Kursus tersebut ia-lah bagi menunjukkan kepada peladang2 chara2 pertanian moden.

Sa-telah menamatkan kursus itu, mereka akan di-bawa melawat pusat pertanian Kilanas dan ternakan di-Jerudong dan juga pusat pertanian Sharikat Minyak Shell di-Senaut.

366 BUAH RUMAH AKAN DI-SEMBOR UBAT DDT

BANDAR BRUNEI. — Kaki-tangan Projek Penghapus Malaria akan melakukan penyemboran ubat DDT dalam lima buah kampong di-Daerah Brunei/Muara dari 8 hingga 27 Februari ini.

Kampong2 yang di-sembor itu ia-lah Sengkuring 'A' dan 'B' Bebatek, Tanjong Nangka dan Mulaut.

Kampong2 tersebut di-tak-sirkan mempunyai sa-ramai kira2 2,054 orang yang tinggal dalam 366 buah rumah.

Kerja2 penyemboran itu di-angankan akan menggunakan sa-banyak 1,029 litre ubat DDT.

Di-bawah ranchangan penyemboran yang ada sekarang, semua rumah, pondok2 dan bangunan2 baru akan di-sembor dengan ubat tersebut.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Sa-bagai

Merinyu Pulis Perchubaaan

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput dariapda chalun2 yang menjadi raayat D.Y.M.M. Sultan atau mereka yang berhak untuk di-daftarkan sedemikian bagi memenohi jawatan2 Merinyu2 Perchubaaan dalam Pasokan Pulis Di-Raja Brunei.

Kelayakan2:

- Umor — Di-antara 19 hingga 26 tahun
- Tinggi — Tidak kurang dari 5' 4"
- D a d a — Sekurang2-nya 34" apabila tidak ditarek napas.
- Mempunyai Sijil Junior Cambridge atau sijil yang sebanding dengan-nya.

Gaji:

\$430/-sa-bulan.

Chalun2 yang berjaya mesti-lah bersedia untuk pergi ka-Malaya untuk di-lateh.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat mereka yang di-kehendaki menghantarkan laporan sulit mengenai pemohon2 beserta dengan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohi dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Ibu Pejabat Pulis, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Pesuruhjaya Pulis, Brunei, tidak lewat dari 31 Mach, 1969.

SA-BAGAI KETUA JURURAWAT

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa bagi memenohi jawatan sa-bagai Ketua Jururawat di-Jabatan Perubatan, Brunei.

Kelayakan2:

- S.R.N. Singapura, Malaya atau mana2 negeri yang di-akui oleh General Nursing Council of England.
- Sijil Perbidanan Pangkat Pertama dari Malaya atau Singapura atau yang bersamaan dengan-nya.
- Pemohon2 ada-lah di-kehendaki mengetahui bahasa Melayu tetapi ini tidak-lah perlu.

Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah pernah berkhidmat sa-lama sekurang2-nya 2 tahun sa-bagai Jururawat, kalau boleh dalam semua jurusan kejururawatan.

Tugas:

Membuat tugas2 di-wad2 Am,' perubatan, pembedahan dan beranak.

Gaji:

Dalam sukatan gaji BW1 — B\$940 x 40 — 1,140.

Gaji permulaan bergantung kepada pengalaman dahulu dan mempunyai lain2 kelayakan.

Shart2 Perkhidmatan:

Lantekan sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun kontrek boleh di-baharui. Lantekan bagi isteri2 Pegawai yang sedang berkhidmat dengan kerajaan Brunei akan di-beri sa-chara sa-bulan ka-sebulan, tanpa di-bayar baksis.

BAKSIS:

Baksis akan di-bayar sebanyak 12½% daripada gaji bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan dikenakan di-Negeri Brunei.

Butir2 mengenai shart2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 24 Februari, 1969.

Sa-bagai

Tukang Masak

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput daripada raayat D.Y.M.M. Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sedemikian bagi memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Tukang Masak di-Jabatan Pasokan Bomba, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji \$200x 5 — 220.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah sa-orang bangsa Melayu, berumur di-antara 30 hingga 45 tahun dan berpengalaman memasak di-Mes/Kantin atau di-ke-dai2 makan.

Menjalankan Tugas:

Chalun2 yang berjaya apabila di-daftarkan mungkin di-kehendaki menjalankan tugas2 di-mana2 Balai Bomba di-Negeri ini.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi, daripada Pegawai Perjawatan Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 18 Februari, 1969.

SA-BAGAI PULIS BARU

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada raayat Duli Yang Maha Mulia Sultan atau mereka yang di-Bawah Naongan British peranakan Brunei untuk berkhidmat sa-bagai Pulis Baharu dalam Pasokan Pulis Di-Raja Brunei dengn shart mereka mempunyai keperluan2 berikut:—

Pelajaran — Darjah VI Melayu atau Primary VI Inggeris.

Umor — Antara 18 dan 28 tahun.

Tinggi — Sekurang2-nya 5' 2"

Dada — Sekurang2-nya 31" bila tidak menarek napas dan di-akui sehat oleh Pegawai Perubatan Kerajaan

Gaji:

\$180.00 sa-bulan.

Chalun2 yang berjaya akan di-hantar berlateh di-Malaya.

Borang2 permohonan boleh di-perolehi daripada Ibu Pejabat Pulis Daerah Brunei atau Panaga. Borang2 yang sudah di-penohkan hendak-lah di-kembali-kan ka-Ibu Pejabat Pulis, Brunei, tidak lewat daripada 1 Mach, 1969.

SI·TUYU oleh: m.salleh ibrahim



KEBEBASAN BERCHAKAP DI-KALANGAN WAKIL2 RAAAYAT

BANGAR, TEMBURONG.
— Pegawai Daerah Temburong, Awang Johari bin Abdul Razak mengingatkan ahli2 Majlis Mashuarat Daerah itu supaya menggunakan sabai2-nya peluang yang ada pada mereka sa-bagai wakil2 raayat.

Beliau berkata, peluang berchakap tentang keadaan penduduk dan kawasan yang mereka wakili ada-lah amat wajar untuk di-penuhi kerana ia-nya merupakan salah satu tanggung-jawab mereka.

Awang Johari berkata demikian dalam persidangan Majlis Mashuarat Daerah tersebut yang berlangsung di-Bi-

lek Persidangan Jabatan Daerah pada Isnin lepas.

Beliau telah menimbulkan guna-nya ucapan2 penanggoohan yang di-sifatkan beliau merupakan satu kesempatan kepada ahli2 majlis untuk menghuraikan masala2 yang di-hadapi di-kawasan pemilihan masing2.

Dalam pada itu, Awang Johari mengingatkan mereka supaya tidak menyalah-gunakan peluang itu dengan membawa hujjah2 yang berasaskan sintimen2 yang melulu.

Kalau terjadi hal ini, katanya, maka ia-nya akan lebih banyak membawa kerugian daripada faedah2 yang dikehendaki oleh raayat yang sesuai dengan chita2 Kerajaan untuk meninggikan taraf hidup mereka.

Awang Johari telah menyatakan keadaan persidangan2 yang lepas dengan ahli2-nya yang baru itu yang menurut beliau belum sa-orang pun dari mereka membawakan ucapan2 penanggoohan.

(Sa-jauh ini persidangan itu telah di-adakan sa-banyak 8 kali).

Menurut pendapat beliau bahawa keadaan itu berlaku mungkin di-sebabkan ahli2 itu merasa ragu2 untuk beruchap.

Di-samping itu, Awang Johari selaku pengerusi persidangan majlis telah menasehatkan ahli2 tersebut supaya tidak hanya mengemukakan soal2n bahkan membuat usol2 yang akan di-hadapkan kepada majlis.

Usol2 itu, kata-nya, hendaklah yang benar2 di-fikirkan layak dan sesuai yang membolehkan-nya di-bawa ka-dalam persidangan.

Beliau menjelaskan bahawa kerap kali di-dapati usol2 yang dibuat itu tidak sesuai dan ini menyebabkan terjadi-nya peno-

lakan dari di-bawa ka-dalam sidang.

Penolakan ini, tegas beliau, bukan-lah arti-nya satu tekanan ka-atas usol2 mereka itu jauh sekali yang bersifat "tidak menggalakkan".

"Kadang2 usol yang di-buat itu pula ada-lah merupakan projek2 yang memang di-buat Kerajaan, baik sudah di-jalankan mahu pun yang akan di-laksanakan", tegas beliau.

Kerana itu, tegas beliau, pengkajian ada-lah perlu di-lakukan terlebih dahulu sa-belum membuat sa-suatu usol.

Persidangan pada hari Isnin yang lalu hanya mengandungi lima susunan kerja termasuk dua soal-an2 bertulis yang di-hadapkan oleh Pengiran Zulaihi bin Pengiran Tajuddin, wakil raayat kawasan Bangar dan Awang Chin Ah Wa, wakil kawasan Labu.

Pengiran Zulaihi ingin tahu tentang bila siap-nya kerja2 memperbaiki jalan raya dari Pekan Bangar ka-Kampung Menengah yang di-katakan-nya ada-lah memakan masa yang agak panjang dan tidak sesuai dengan keadaan jalan raya yang hanya panjang-nya kira2 sabatu itu.

Beliau menuduh bahawa kelalai-an itu ada-lah berpuncha dari kelemahan Sub-Overseer2 yang ditugaskan untuk menjaga di-jalan tersebut.

Awang Chin Ah Wa pula ingin tahu tentang bila masa-nya di-mulakan kerja2 ranchangan penanaman kelapa sawit yang hendak di-adakan itu.

Menurut beliau bahawa ranchangan ini sudah memakan masa salama dua tahun lebih dan penyiataan-nya telah di-lakukan berulang2.

Awang Chin merasa ragu2 sama ada ranchangan ini akan di-teruskan oleh Kerajaan atau sa-balek-nya.

Kedua2 soal2n itu telah di-edarkan kepada jabatan2 yang berkenaan dan jawapan-nya akan di-bentangkan dalam persidangan yang akan datang.

Pemilihan Ketua Kampung Bokok

TEMBURONG — Penduduk2 Kampung Bokok di-Daerah Temburong akan berhimpun di-Balai Raya kampung tersebut pada hari Khamis 13 Februari jam 10.00 pagi untuk memilih ketua bagi kampung tersebut.

Ketua Kampung yang akan di-pilih itu nanti akan menggantikan ketua kampung yang ada sekarang, Haji Awang Malek bin Sulaiman yang akan bersara tidak berapa lama lagi.

Haji Awang Malek telah dilantik menjadi ketua kampung itu sejak sa-belum perang dunia kedua.

Pegawai Daerah Temburong, Awang Johari bin Abdul Razak menyeru penduduk2 yang tinggal di-kawasan Kampung Bokok supaya hadir di-balai raya pada hari Khamis 13 Februari jam 10.00 pagi, untuk memilih ketua baru bagi kampung itu.

Awang Johari menyatakan, orang2 yang layak memilih mestilah berumur 21 tahun ka-atas.

Beliau berkata, bakal2 ketua mesti mempunyai sharat2 seperti berikut:

- * Mereka mesti-lah raayat Sultan atau yang berhak di-daftarkan sa-bagai raayat Sultan.
- * Mesti-lah sa-kurang2-nya berumur 30 tahun dan tidak lebih 45 tahun.
- * Sa-kurang2-nya tamat darjah IV sekolah Melayu atau kelulusan yang sa-banding dengannya.
- * Mesti-lah tinggal bermastautin di-salah satu tempat di-lantek dan
- * Bakal2 calon mesti-lah bukan pegawai tetap kerajaan, sa-barang sharikat atau badan perniagaan dan lain2 jawatan dalam kerajaan.

Maktab SOAS johan hoki enam sa-pasokan

BERAKAS — Pasokan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin 'A' telah menjadi johan dalam perlawanan hoki enam orang sa-pasokan yang di-anjarkan oleh Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei yang di-adakan di-Berakas Kem pada hari Ahad lepas.

Pasokan Maktab SOAS telah mengalahkan pasokan Kelab China Shell, Setia dengan satu gol tidak berbalas dalam perlawanan akhir.

Gol bagi kemenangan pasokan Maktab SOAS telah di-jaringkan oleh Yahya Abdi Manaf.

Dalam perlawanan itu, sa-banyak 33 pasokan yang mewakili sekolah2, maktab2, kelab2, polis dan angkatan bersenjata telah mengambil bahagian.

Isteri Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei Puan Adair telah menyampaikan perisai yang di-hadihkan oleh Leftanan Muda Abdul Rahman bin Mustapha dan bekas anggota platoon No. 4 Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei kepada pasokan yang berjaya di-akhir perlawanan itu.



Pasokan Maktab S.O.A.S. "A" bergambar dengan perisai kemenangan mereka dalam perlawanan hoki enam orang sa-pasokan anjoran AMDB.

Shor adakan badan untuk populerkan tarian2 asli Brunei

(Dari Muka 1)

"Jadi saya berharap-lah kepada seksi ini supaya dapat membentuk satu badan tarian asli dan apabila saja di-adakan keramaian atau di-kehendaki oleh Istana atau Kerajaan, maka badan itu-lah yang akan mengendalikan-nya", harap beliau.

Awang Salleh juga telah menimbulkan tentang permainan2 asli kita sa-lain daripada Silat, Kuntaw, Gasing dan Sepak-raga yang beliau berpendapat supaya di-iktirakan untuk di-hidupkan sa-mula.

"Kita di-Brunei ini banyak mempunyai bahasa asli yang tersendiri seperti nama gelaran pemin, pengiran dan sa-bagai-nya.

"Kita mesti-lah mengamalkan selalu nama gelaran itu kepada siapa yang harus di-panggil. Ini juga membuktikan bahawa kita di-Brunei kaya dengan kebudayaan tersendiri".

Terdahulu sa-belum itu, Tim-

balan Yang Di-Pertua Majlis Belia2 Negeri Brunei, Awang Jaya bin Abdul Latif ketika beruchap telah menyentuh beberapa kejayaan persatuan2 belia untuk memajukan kegiatan2 yang akan di-lakukan.

Beliau berkata bahawa Kerajaan telah membenarkan kepada Persatuan di-Tutong untuk memileki tanah sa-chara T.O.L. bagi membuka sawah untuk berpadi.

Ini, kata-nya, ada-lah merupakan satu kegiatan belia di-Tutong yang memerlukan ketabahan untuk menyempurnakan-nya yang juga menunjukkan betapa azam belia2 tanah ayer untuk sama2 mencheburkan diri dalam berbagai2 lapangan perekonomian walau pun dengan chara yang demikian.

Di-antara yang hadir pada malam itu termasuk-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibol Bahar, Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Anak Mohammad Yusof, dan Penulong Menteri Kebajikan dan Pos, Pengiran Md. Yusof bin Pengiran Md. Limbang.